

TARIKH	23 / 9 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Setempat

'Kereta laju-laju, hati-hati ketika melintas'

melintas dua batang jalan raya untuk berulang-alik ke masjid dan kadang-kala terpaksa berlari anak kerana bimbang keselamatan kami.

Bagaimanapun, masalah yang dihadapi segelintir jemaah di sini agak terubat sedikit apabila pihak Kerajaan Arab Saudi memasang 'speed bump' iaitu bonggol kelajuan di salah satu jalan raya baru-baru ini yang berhampiran mas-

jid bertujuan mengurangkan kelajuan kenderaan yang sering menurunkan penumpang di situ.

Namun, apa yang diharapkan ialah jika boleh, bonggol yang sama dipasang di laluan sebelah kanan jalan raya itu lebih lebar berbanding jalan yang sudah dipasang dengan bonggol berkenaan atau pihak berkuasa mungkin boleh mencuba kaedah lain seperti mengecat jalan raya

dengan cat jalan yang tebal sebagai tanda amaran untuk tidak memandu laju sebagaimana di Malaysia.

Sebenarnya, undang-undang jalan raya di sini agak ketat dan ini dapat dilihat dengan mata saya sendiri apabila beberapa trak tuna-sentiasa berada di mana-mana saja untuk menunda kenderaan yang diparkir di tepi jalan, walaupun di celah-celah lorong yang dianggap sebagai

'selamat' kepada pemilik kenderaan terbabit.

Gelagat trak tunda ini dilihat seakan 'pesta' apabila menunda beberapa kereta dalam sekelip mata di tepi jalan raya sekitar masjid dan mereka seakan berlumba-lumba mencari kereta yang diparkir di tepi jalan untuk ditunda.

Selain itu, pihak peronda trafik turut dilihat sentiasa berada di tepi jalan raya sambil menggunakan

pembesar suara untuk mengtisir-kereta yang mengganggu laluan kenderaan lain.

Keadaan itu bertujuan mengelakkan berlaku kesakitan khususnya ketika waktu puncak di mana semua jemaah haji akan berhimpun untuk menunaikan haji tahun ini.

Kepada jemaah Malaysia, sentiasa berhati-hati ketika berjalan kaki menuju ke masjid.



CATATAN DARI MAKLAH

Badrila Jamilus

Aspek keselamatan dan keselamatan. 'Kereta di sini laju-laju, kena hati-hati ketika melintas,' kata seorang jemaah kepada rakan sebiliknya ketika melintas jalan menuju ke masjid yang terletak kira-kira 800 meter dari maktab penginapan kami di Abraj Al-Fanadriyah.

Begitulah senario yang perlu kami hadapi setiap kali